



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN  
INTEGRASI NASIONAL

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM 'GERAK RAHMAH 2023 – JOM GERAK MUHIBAH' SERENTAK SELURUH NEGARA

---

**HULU SELANGOR, 23 September 2023** – YB Datuk Haji Rizam bin Haji Ismail, EXCO Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Negeri Selangor hari ini hadir merasmikan **Program 'Gerak Rahmah 2023 – Jom Gerak Muhibah'** bertempat di **Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kasturisari Presint 14, Sungai Buaya, Hulu Selangor** melibatkan enam (6) KRT dengan penyertaan seramai **1,000 orang**.

Selain 'Jom Gerak Muhibah' yang diadakan pada hari ini, pelbagai pengisian lain yang telah dilaksanakan di bawah Program Gerak Rahmah ini bermula pada awal tahun 2023 iaitu **Jom Ziarah Perpaduan, Jom Sihat, Jom Ronda SRS, Jom Masak Bubur Lambuk, Jom Bersih & Indah**. Setiap program yang dilaksanakan menyasarkan **sekurang-kurangnya 40 peratus (40%) daripada KRT**. Program ini juga melibatkan **kerjasama bersepadu** pelbagai agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan swasta. Sebagai rekod, program 'Jom Sihat' yang diadakan pada 25 Februari 2023 melibatkan penyertaan lebih 4,995 KRT di seluruh negara dan 'Jom Ronda' pada 17 Mac 2023 melibatkan penyertaan 3,075 Skim Rondaan Sukarela (SRS).

Program ini dilaksanakan secara **serentak** oleh KRT di **seluruh negara** yang melibatkan pelbagai aktiviti yang **menjurus kepada aspek perpaduan, kesejahteraan, kesihatan, keselamatan dan alam sekitar** digerakkan berdasarkan **empat gerak kerja KRT** iaitu **KRT Sejahtera, KRT Selamat, KRT Sihat serta KRT Bersih dan Indah**.

Program Gerak Rahmah adalah merupakan salah satu inisiatif terbaharu oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bertujuan untuk **memperkasa, mempertingkatkan dan mempergiatkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawanan dalam KRT** bagi menyokong aspirasi Kerajaan untuk membangunkan Komuniti RAHMAH.

Antara pengisian program 'Jom Gerak Muhibah' ialah Kayuhan Perpaduan anjuran KRT dengan kerjasama Sungai Buaya Cycling Club telah berjaya menarik penyertaan seramai **500 orang**.

Kementerian Perpaduan Negara sedang menyediakan rangka kerja **Pemeriksaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Masyarakat Progresif** bagi melonjakkan peranan KRT daripada tahap sedia ada ke tahap yang lebih efisien dan cemerlang. **Pembangunan komuniti KRT yang inklusif** dilihat merupakan antara indikator penting dalam membentuk masyarakat progresif.

Turut hadir, YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan YBhg. Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

- TAMAT -

**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
(Kementerian Perpaduan Negara)**

23 September 2023

**PERTANYAAN MEDIA**

Bahagian Korporat,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

No. Tel: 019-2671075 (YM Tengku Nor Liza Tengku Yahya), 019-39239379 (Jasittha)

E-mail: [projpnin@perpaduan.gov.my](mailto:projpnin@perpaduan.gov.my)

No. Rujukan: JPN.01/483/12 ( )